



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

05.01.2024

❖ Imbasan 2023

Pada 29 Disember 2023, Bursa Malaysia menutup tirai tahun 2023 dalam keadaan reda, dengan indeks penanda aras ditutup lebih rendah pada 1,454.66 mata berbanding 1,488.54 mata pada hari pertama pembukaan tahun lepas.

Prestasi FBMKLCI sepanjang tahun dibebani oleh tekanan jualan yang berterusan, yang merekodkan aliran keluar dana yang ketara. Ini berpunca daripada kenaikan pelbagai kadar di Amerika Syarikat.

Di sebalik sentimen yang lemah dalam pasaran saham tempatan, keseluruhan pasaran IPO kekal teguh, dengan 32 penyenaraian baharu yang berjaya mengumpul sebanyak RM3.55 bilion, berbanding 35 IPO dengan RM3.27 bilion pada tahun 2022.

Sementara itu, tahun 2023 merupakan tahun rekod untuk MSWG kerana mesyuarat agung yang kami hadiri berjaya memecahkan rekod iaitu sebanyak 531, menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 16.2% tahun ke tahun daripada 457 mesyuarat agung yang dihadiri pada tahun 2022. Daripada 531 mesyuarat itu, 424 adalah mesyuarat agung tahunan (annual general meetings, AGM), 105 mesyuarat agung luar biasa (extraordinary general meeting, EGM) dan 2 lagi mesyuarat yang diarahkan oleh mahkamah (court-convened meetings).

Platform maya kekal menjadi pilihan syarikat awam tersenarai (*public limited companies, PLC*) sebagai cara untuk mengadakan mesyuarat mereka, dengan kira-kira 366 (atau 69%) mesyuarat telah dihoskan secara maya. Mesyuarat fizikal dan hibrid pula masing-masing sebanyak 162 (30.5%) dan 3 (0.5%) daripada jumlah mesyuarat yang dihadiri.

Seiring dengan wabak COVID-19 yang semakin reda, kami menyaksikan lebih banyak mesyuarat diadakan secara fizikal berbanding tahun 2022. MSWG mengutamakan AGM yang diadakan secara hibrid, namun meletakkan AGM fizikal sebagai pilihan terbaik.

Untuk AGM, wakil korporat MSWG menilai keberkesanan sesebuah PLC menjalankan mesyuaratnya dari segi ketepatan masa, proses pendaftaran, cara pengerusi mengendalikan mesyuarat, sesi Soal Jawab, kehadiran pengarah, proses pengundian dan sebagainya.

Mengikut pengiraan kami, 21 PLC, terutamanya syarikat bermodal besar, mendapat markah 90% dan ke atas dalam pengendalian AGM mereka. Sementara itu, 103 syarikat mendapat markah antara 80% dan 89% dalam cara mereka mengendalikan AGM.

Menyentuh topik nisbah pengarah wanita dalam lembaga pengarah, MSWG mendapati 129 PLC atau 30.4% daripada portfolio pemantauannya, mempunyai 33% atau lebih wanita memegang jawatan dalam lembaga pengarah mereka. Berjaya Corporation Berhad satu-satunya PLC yang mempunyai barisan pengarah yang terdiri daripada seratus peratus wanita. Kedua dalam senarai itu ialah Innature Berhad, dengan 80% pengarah wanita.

Beberapa pemerhatian daripada mesyuarat yang dihadiri

- **Tatacara mesyuarat**

Salah satu isu yang biasa dihadapi oleh MSWG dalam mesyuarat agung adalah berkaitan tatacara sesi Soal Jawab. Ada syarikat yang tidak mengendalikan sesi soal jawab walaupun sudah menerima soalan kami sebelum mesyuarat diadakan. Sebaliknya, mereka menjelaskan yang mereka akan menjawab soalan MSWG secara tertutup selepas selesai mesyuarat. Ini tidak selaras dengan objektif mesyuarat agung, kerana soalan atau persoalan yang ditangani selepas mesyuarat tidak akan didokumenkan dalam minit mesyuarat.

Minit mesyuarat ialah rekod yang boleh dirujuk oleh pemegang saham untuk membuat semak dan imbang terhadap lembaga pengarah dan pengurusan. Ia berfungsi sebagai dokumen undang-undang yang meletakkan rasa bertanggung jawab dalam pihak pengurusan dan lembaga pengarah kepada pemegang saham dan pengawal selia, kerana minit mesyuarat yang disediakan dengan betul merupakan syarat utama tadbir urus korporat.

Dalam mesyuarat maya, sesetengah PLC membentangkan jawapan mereka kepada soalan pemegang saham di skrin hanya untuk beberapa saat sahaja. Ini tidak memberikan pemegang saham masa yang cukup untuk membaca dan memahami jawapan itu. Kaedah ini juga tidak memudahkan perbincangan yang berkesan dan produktif antara pemegang saham dengan lembaga dan pengurusan.

- **Soalan pemegang saham**

Soalan mengenai cenderahati, baucar atau tambah nilai kredit menduduki tangga teratas dalam senarai soalan kegemaran pemegang saham sewaktu mesyuarat agung. PLC yang mempunyai bilangan pemegang saham yang besar sering meluangkan masa yang panjang untuk menjawab soalan seperti ini. Segelintir pemegang saham minoriti juga lebih mengambil berat tentang cenderahati walaupun syarikat tempat mereka membuat pelaburan itu sedang berjuang habis-habisan demi kelangsungan hidup. Kami menggalakkan pemegang saham supaya melibatkan diri dalam perbincangan yang lebih penting kerana AGM adalah acara yang diadakan setahun sekali.

- **Isu berkaitan tadbir urus korporat**

Sementara itu, kami melihat beberapa perkembangan menarik dalam kalangan PLC. Sebuah PLC didapati secara rutin menandatangani perjanjian pemerolehan baharu dan membayar lebih separuh daripada balasan pembelian sebagai deposit yang boleh dikembalikan. Walau bagaimanapun, mereka kemudiannya membatalkan perjanjian itu dan menamatkan urus niaga tersebut.

Memandangkan deposit itu tidak dimasukkan ke dalam akaun eskrow, mereka menghadapi kesukaran untuk menuntutnya semula. Mereka kemudiannya membuat keputusan untuk mengambil tindakan undang-undang untuk mendapatkan semula jumlah tersebut. Jika mereka tidak berjaya mendapatkan semula deposit itu, Syarikat perlu membuat peruntukan rosot nilai ke atas jumlah tersebut untuk memberikan gambaran sebenar dalam kunci kira-kira.

Pada masa yang sama, juruaudit luar Syarikat menyuarakan keraguan profesional terhadap pelbagai usaha niaga dan pengambilalihan yang dilaksanakan oleh Syarikat sebelum ini. Juruaudit juga bimbang tentang litigasi yang berterusan untuk mendapatkan semula deposit yang telah dibayar.

Satu lagi isu tatakelola yang dibangkitkan oleh MSWG pada tahun 2023 adalah berkaitan pelantikan dua pengarah bebas baharu selepas peletakan jawatan dua pengarah bukan eksekutif bebas (*independent non-executive directors, INED*) yang telah lama berkhidmat.

Menjawab pertanyaan MSWG mengenai hubungan antara pengarah baharu dengan pengarah yang meletakkan jawatan yang berkongsi nama keluarga yang sama, Syarikat mengesahkan bahawa pengarah baharu itu masing-masing merupakan ahli keluarga rapat kedua-dua INED yang meletakkan jawatan selepas lama berkhidmat.

Lembaga Pengarah menegaskan bahawa mereka telah mengesahkan kedua-dua pengarah adalah bebas daripada pengurusan dan bebas daripada sebarang urus niaga atau perhubungan lain yang boleh menjelaskan pelaksanaan pertimbangan yang bebas serta keupayaan untuk bertindak dengan suci hati, demi kepentingan terbaik syarikat.

Keadaan yang menyaksikan pengarah bebas, selepas tamat tempoh perkhidmatannya, digantikan dengan ahli keluarga, menimbulkan senario yang dikenali sebagai “kebebasan boleh diwarisi”. Meskipun pelantikan sedemikian bukanlah pelanggaran secara langsung terhadap syarat-syarat kawal selia, namun ia mungkin menimbulkan keraguan yang serius terhadap keupayaan pengarah untuk membuat pertimbangan yang objektif.

Pengarah bebas yang dilantik dalam keadaan di atas berkemungkinan mempunyai rasa taat setia kepada pemegang saham pengawal atau pengarah yang mencalonkan mereka, sekali gus berpotensi menjelaskan “kebebasan berfikiran” mereka.

Secara tuntas, 2023 merupakan tahun yang membawa hasil untuk MSWG kerana lebih banyak syarikat berada dalam pemantauan kami. Pasukan pemantauan

berharap untuk terus menyokong tadbir urus korporat melalui aktivisme pemegang saham minoriti.

Oleh Pemantauan Korporat MSWG

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 8 hingga 12 Januari 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
08.01.24 (Isnin) 02.30 petang	UWC Berhad (AGM)	Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM271.7 juta pada tahun kewangan 2023, berbanding RM345.6 juta pada tahun kewangan lepas. Penurunan ini berpunca daripada jualan semikonduktor yang rendah akibat kemelesetan kitaran industri teknologi. Untung selepas cukai pada tahun kewangan 2023 merosot daripada RM106.8 juta setahun lalu kepada RM53.8 juta, berikutan pendapatan yang lebih rendah, peningkatan harga bahan, kos pengambilan buruh mahir serta pelarasan gaji minimum yang berpunca daripada pengembangan perniagaan.
10.01.24 (Rabu) 10.30 pagi	Top Glove Corporation Bhd (AGM)	Pendapatan Top Glove turun mendadak kepada RM2.3 billion daripada RM5.6 billion setahun yang lalu. Kumpulan juga mencatatkan kerugian buat kali pertama sejak ia disenaraikan pada tahun 2001, dengan rugi bersih sebanyak RM886 juta berbanding untung bersih RM282 juta pada tahun sebelumnya. Kerugian itu berpunca daripada lebihan bekalan sarung tangan daripada pengembangan baharu sewaktu pandemik, peningkatan persaingan daripada pendatang baharu di luar negara dengan kapasiti yang besar, ditambah pula dengan kurangnya keperluan mendesak daripada pelanggan yang membuat

		<p>pesanan, serta harga jualan purata (average selling price, ASP) yang rendah.</p> <p>Termasuk dalam rugi bersih ini juga adalah urus niaga yang tidak berulang iaitu rosot nilai ke atas muhibah dan rosot nilai serta hapus kira ke atas hartanah, loji dan peralatan berjumlah RM389 juta.</p>
10.01.24 (Rabu) 02.30 petang	Saudee Group Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan berakhir 2023, Kumpulan Saudee melaporkan pendapatan berjumlah RM95.58 juta, mewakili penurunan sebanyak RM1.30 juta daripada tahun kewangan berakhir 2022.</p> <p>Penurunan ini disebabkan oleh permintaan yang perlahan untuk perkhidmatan makanan serta ketiadaan sumbangan daripada produk dagangan.</p> <p>Melangkah ke hadapan, Kumpulan meramalkan penurunan dalam kos jualan dan promosi memandangkan mereka telah beralih sepenuhnya kepada model pengedaran pada tahun 2023 daripada model jualan runcit langsung sebelum ini. Tinjauan kekal positif dengan status bebas hutang serta pengembangan kapasiti pengeluaran yang berterusan.</p>
11.01.24 (Khamis) 10.00 pagi	KESM Industries Berhad (AGM)	<p>Pendapatan KESM menyusut 7% kepada RM228.3 juta pada tahun kewangan 2023 berbanding RM246.7 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh ketiadaan pendapatan daripada perkhidmatan pembuatan elektronik (<i>electronic manufacturing services, EMS</i>) serta pengurangan volum untuk perkhidmatan ujian dan bakar mula (<i>burn-in</i>).</p> <p>Kumpulan melaporkan rugi bersih berjumlah RM3.1 juta pada tahun kewangan 2023, daripada untung bersih sebanyak RM1.7 juta pada tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh kos kewangan dan perbelanjaan lain yang lebih tinggi, manakala</p>

		pendapatan lain menyusut 10% berbanding tahun kewangan sebelum ini.
11.01.24 (Khamis) 10.30 pagi	Trive Property Group Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan menurun sedikit sebanyak 5.7% kepada RM9.14 juta (tahun kewangan 2022: RM9.69 juta), terutamanya disumbangkan oleh jualan yang lebih rendah daripada dagangan panel solar dan produk berkaitan.</p> <p>Bahagian solar merupakan penyumbang pendapatan terbesar yang merangkumi kira-kira 78.6% daripada jumlah pendapatan Kumpulan.</p> <p>Kumpulan mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM18.91 juta pada tahun kewangan 2023 berbanding untung bersih berjumlah RM14.31 juta pada tahun kewangan 2022. Ini adalah disebabkan oleh rosot nilai ke atas muhibah berjumlah RM2.52 juta berikutan kadar penghunian yang rendah di Menara Persoft.</p> <p>Kumpulan juga mengiktiraf rosot nilai ke atas kos pembangunan harta tanah sebanyak RM15.96 juta untuk projek pembangunannya di Terengganu.</p>
12.01.24 (Jumaat) 09.00 pagi	P.I.E. Industrial Berhad (EGM)	Anak syarikat 99.99% milik PIE iaitu Pan International Electronics (Thailand) Co Ltd ('PIT') telah memeterai perjanjian langganan saham dengan Pan International Industrial Corp ('PIIC') bagi penerbitan dan peruntukan sebanyak 4.09 juta saham biasa baharu pada harga THB50 sesaham. Perolehan berjumlah RM27.14 juta akan digunakan untuk mengembangkan kemudahan pembuatan dan kapasiti pengeluaran PIT. Selepas selesai langganan saham ini, pegangan PIE dalam PIT akan dikurangkan daripada 99.99% kepada 55%.
12.01.24 (Jumaat) 10.30 pagi	Astino Berhad (AGM)	Pendapatan Kumpulan untuk tahun kewangan 2023 mencatatkan peningkatan marginal sebanyak 1% kepada RM619 juta. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh harga jualan purata yang lemah, namun

		sebahagiannya diimbangi oleh volum jualan yang sedikit tinggi, meningkat 13.6% kepada 92,000 tan metrik. Untung sebelum cukai susut 41% kepada RM38 juta, terutamanya disebabkan oleh margin untung kasar keseluruhan yang lebih rendah daripada 18.5% pada tahun kewangan 2022, kepada 13.7% pada tahun kewangan 2023.
--	--	---

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
UWC Berhad (AGM)	<p>Kumpulan menyaksikan peningkatan ketara dalam permintaan semikonduktor, yang didorong oleh aktiviti pengenalan produk baharu oleh pelanggannya baru-baru ini. Kumpulan juga telah memperoleh projek yang melibatkan pembangunan projek hasil kimpal. Lagipun, UWC sedang bekerjasama rapat dengan pelanggan utama dalam pemasangan dan pengujian produk canggih yang menggabungkan komponen mekanikal, elektronik dan perisian.</p> <p>Berapakah pesanan semasa yang masih belum diselesaikan? Sejauh manakah peningkatan pesanan Kumpulan yang masih belum diselesaikan sepanjang setahun yang lalu?</p>
Top Glove Corporation Bhd (AGM)	<p>Kumpulan merekodkan kerugian rosot nilai sebanyak RM70.8 juta ke atas harta tanah, loji dan peralatan (<i>property, plant and equipment, PPE</i>) tertentu dan aset tertentu dengan hak untuk digunakan yang dimiliki oleh anak syarikat di Vietnam. (Halaman 144, Laporan Tahunan 2023)</p> <ol style="list-style-type: none"> Apakah yang menyebabkan kerugian rosot nilai ini? Apakah kadar penggunaan pengeluaran kilang di Vietnam pada tahun kewangan 2023? Berapakah jumlah kerugian yang disumbangkan oleh anak syarikat Vietnam kepada Kumpulan pada tahun kewangan 2023? Berapakah amaun dibawa untuk PPE dan aset dengan hak untuk digunakan yang dimiliki oleh anak syarikat Vietnam pada 31 Ogos 2023?
Saudee Group Berhad (AGM)	<p><i>“Lagipun, Kumpulan meramalkan kos jualan dan promosi akan terus berkurangan kerana Kumpulan telah beralih daripada model jualan runcit langsung kepada model pengedaran sepenuhnya pada tahun 2023.”</i> (Halaman 16, Laporan Tahunan 2023)</p> <ol style="list-style-type: none"> Bagaimanakah Syarikat merancang untuk memacu pertumbuhan pendapatan dalam konteks peralihan kepada model pengedaran?

	<p>2. Sila berikan analisis perbandingan prestasi di bawah model jualan runcit langsung berbanding model pengedaran.</p>
KESM Industries Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan menyusut 7%, daripada RM246.7 juta pada tahun sebelumnya, kepada RM228.3 juta untuk tahun kewangan berakhir 31 Julai 2023. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh ketiadaan pendapatan daripada operasi perkhidmatan pembuatan elektronik (<i>electronic manufacturing services, EMS</i>) yang dikurangkan, serta penurunan volum untuk perkhidmatan ujian dan bakar mula (<i>burn-in</i>). (Halaman 5, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Berapakah kadar penggunaan loji di Melaka untuk tahun kewangan berakhir 2023 dan sehingga kini?</p>
Trive Property Group Berhad (AGM)	<p>Bahagian Solar:</p> <p>1. Bahagian solar merupakan penyumbang pendapatan terbesar Kumpulan untuk tahun kewangan berakhir 31 Julai 2023, iaitu kira-kira 78.6% (Halaman 9, Laporan Tahunan 2023). Kumpulan mensasarkan untuk mengembangkan bahagian ini dengan menawarkan harga yang kompetitif, produk dan perkhidmatan yang berkualiti, rangkaian tawaran yang lebih meluas serta menerokai penyelesaian baharu yang mampan bagi memanfaatkan peralihan yang berterusan ke arah tenaga boleh diperbaharui (Halaman 13, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Apakah penyelesaian mampan baharu yang dirancang untuk diterokai oleh Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2024?</p> <p>2. Pendapatan daripada bahagian solar menyusut kepada RM7.19 juta (2022: RM7.72 juta) terutamanya disumbangkan oleh jualan yang lebih rendah daripada dagangan panel solar dan produk berkaitan. (Halaman 9, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Memandangkan bahagian solar Kumpulan hanya mempunyai satu pelanggan tunggal dari Singapura yang mewakili 100% sumbangan kepada pendapatan Kumpulan (Nota 34, Halaman 134, Laporan Tahunan 2023), apakah rancangan Kumpulan untuk mengembangkan pangkalan pelanggannya?</p>
Astino Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan untuk tahun kewangan 2023 mencatatkan peningkatan marginal sebanyak 1% kepada RM619 juta. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh harga jualan purata (<i>average selling price, ASP</i>) yang lemah, sebahagiannya diimbangi oleh volum jualan yang sedikit tinggi, dengan peningkatan 13.6% kepada 92,000 tan metrik. (Halaman 5, Laporan Tahunan 2023)</p>

	<ol style="list-style-type: none"> 1. Berapakah jumlah penurunan dalam ASP pada tahun kewangan 2023 berbanding tahun kewangan 2022? 2. Bagaimanakah trend ASP sepanjang 12 bulan yang lalu? Sila berikan carta yang menunjukkan pergerakan ASP sepanjang tiga tahun yang lalu. 3. Apakah kapasiti pengeluaran dan kadar penggunaan purata Kumpulan pada tahun kewangan 2023? Apakah jangkaan kadar penggunaan purata untuk tahun kewangan 2024? 4. Berapakah perbelanjaan modal yang dibajetkan untuk tahun kewangan 2024 dan apakah pecahannya?
--	--

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)

Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuan@mswg.org.my)

Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, (lam.junket@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.